



# Memupuk literasi AI di rumah

Menurut data baharu daripada YouGov, ibu bapa di Malaysia menganggap literasi AI sebagai sesuatu yang sangat penting untuk masa depan anak-anak mereka, dan menguruskan jurang pengetahuan melalui pembelajaran berterusan serta pelaksanaan batasan perlindungan yang praktikal di rumah.

Penggunaan AI secara bertanggungjawab

Kebanyakan ibu bapa di Malaysia bersikap optimis bahawa kemahiran menggunakan AI secara bertanggungjawab akan memberi manfaat kepada anak-anak mereka.

60%

Sebanyak 60% berharap agar kemahiran anak-anak mereka menggunakan AI akan membantu mempersiapkan generasi tersebut untuk masa depan dalam dunia yang berteraskan AI.



Sentiasa mengikuti perkembangan teknologi

Ibu bapa meluahkan hasrat untuk mendapatkan lebih banyak pendidikan mengenai topik ini walaupun mereka mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam tentang AI.

48%

48% ibu bapa di Malaysia yang mengetahui lebih banyak tentang AI berbanding anak mereka masih mahu belajar dengan lebih lanjut.






Pilihan terhadap alat kawalan ibu bapa

Ibu bapa di Malaysia lebih gemar menggunakan batasan perlindungan yang praktikal berbanding sekatan yang ketat.

71%

71% menyatakan bahawa penggunaan alatan keselamatan digital dan pendidikan bersama-sama anak meningkatkan keyakinan mereka.

Ciri-ciri kawalan ibu bapa yang paling kerap digunakan adalah:

-  Carian selamat (46%)
-  Menetapkan had masa skrin dan menjadualkan akses peranti (44%)
-  Menetapkan had masa aplikasi individu dan menyekat pembelian dalam aplikasi (40%)





# Tip daripada Google

Perkasa keluarga anda untuk melayari dunia dalam talian dengan selamat.



## Tetapkan batasan

**Mengetahui masa untuk berhenti adalah sama pentingnya dengan mengetahui masa untuk melayari internet.**

Google membantu memberikan ketenangan fikiran kepada ibu bapa dengan SafeSearch, yang dihidupkan secara lalai untuk kanak-kanak. Dengan Family Link, ibu bapa boleh menguruskan masa skrin, meluluskan aplikasi dan menetapkan penapis kandungan. Ciri School time (Waktu sekolah) juga membantu mengehadkan penggunaan peranti semasa waktu sekolah atau ketika menyiapkan kerja rumah.



## Kekal terlibat

**Penyertaan aktif daripada ibu bapa dan penjaga adalah sangat penting.**

Dengan memahami platform yang digunakan oleh anak-anak, keluarga boleh menetapkan garis panduan yang sihat bersama-sama. Akaun yang diawasi YouTube untuk remaja menghormati sikap berdikari mereka yang semakin berkembang, sambil memastikan ibu bapa sentiasa maklum melalui perkongsian maklumat mengenai aktiviti saluran. Google juga telah memperkenalkan prinsip kualiti untuk membantu remaja mencari kandungan yang bermanfaat dan bersesuaian dengan umur di YouTube.

## Pupuk pemikiran kritis

**Semasa pelajar meneroka subjek yang kompleks seperti sejarah atau sains komputer, pemahaman tentang "kenapa" adalah sama penting dengan "apa".**

Pembelajaran Terpandu (Guided Learning) dalam Gemini menggalakkan penyelesaian masalah langkah demi langkah dan pemikiran kritis berbanding sekadar memberikan jawapan pantas. Alat ini boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar.

## Menilai maklumat

**Keupayaan pembezaan antara kandungan ciptaan manusia dan janaan AI merupakan kemahiran yang semakin penting.**

Google mengesyorkan kaedah "SIFT": Berhenti (Stop), Siasat sumber (Investigate), Cari liputan yang lebih baik (Find) dan Jejak dakwaan (Trace) untuk membantu pelajar menilai maklumat dalam talian. Alat seperti 'Perihal imej ini' (About this image) di Search dan SynthID juga membantu mengenal pasti deepfake, imej yang dimanipulasi dan teks janaan AI.

## Tingkatkan kewarganegaraan digital

**Kewarganegaraan digital yang baik melangkaui bilik darjah.**

Dengan pembulian siber yang masih menjadi kebimbangan global, pendidikan tentang keselamatan dalam talian masih penting. Program Be Internet Awesome oleh Google menyediakan sumber untuk membantu para pendidik dan keluarga memperkasakan golongan muda agar menjadi pengguna yang pintar, berwaspada, kuat, baik hati dan berani dalam talian.



Terokai dengan lebih lanjut di [safety.google/intl/ms/](https://safety.google/intl/ms/)